




**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)**
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan
Perubahan Iklim
**(Ministry of Energy, Science, Technology, Environment &
Climate Change)**
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800, Dengkil, Selangor



25 Oktober 2019
Notis Pemberitahuan AELB
Bil. 06/2019

PANDUAN SILIBUS LATIHAN SEKURITI NUKLEAR OLEH AGENSI LATIHAN

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan mengenai garis panduan silibus latihan sekuriti nuklear oleh agensi latihan.

LATAR BELAKANG

2. Bagi tujuan perlaksanaan kawalan sekuriti nuklear oleh pemegang lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), satu garis panduan telah disediakan untuk agensi latihan yang ingin menawarkan modul latihan sekuriti bahan radioaktif sebagai salah satu perkhidmatan yang ditawarkan bagi perlaksanaan kursus Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS), latihan ulangan dan pemberian mata pembelajaran berterusan (*Continuous Education Programme (CEP)*)).

3. Latihan ini adalah tertakluk kepada pengetahuan dan amalan baik agensi latihan berkenaan pelaksanaan kawalan sekuriti bahan radioaktif yang tertakluk kepada skop yang diperjelaskan di bawah dokumen LEM/TEK/62 bertajuk ‘Panduan Penyediaan Pelan Sekuriti (Bahan radioaktif)’.

4. Skop latihan yang dibenarkan adalah tidak termasuk latihan bagi tujuan kawalan bahan radioaktif di luar kawalan perundangan (*Material out of Regulatory Control (MORC)*).

ARAHAN LPTA

5. Pemohon layak dipertimbangkan untuk menjadi Agensi Latihan bagi sekuriti bahan radioaktif setelah memenuhi keperluan umum yang telah ditetapkan oleh LPTA dalam LEM/TEK/62 Sem. 1 serta memenuhi syarat khusus seperti digariskan di dalam LEM/TEK/75 bertajuk 'Panduan Silibus Latihan Sekuriti Nuklear oleh Agensi Latihan'. Silibus dan tenaga pengajar adalah perlu diperakukan oleh LPTA setiap kali sebelum kursus dilaksanakan.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

6. Keputusan dan arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

PENUTUP

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah:

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

Batu 24, Jalan Dengkil

43800 Dengkil, Selangor

No. Tel : +603-89225888

No. Faks : +603-89223685

E-mel : corporate@aelb.gov.my

Laman Web : wwwaelb.gov.my